



SEJARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA

SHARIFAH NUR ABU

SEJARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA



**Edisi Pertama
Cetakan Pertama 2024
©Politeknik Merlimau, 2024**

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini yang boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Merlimau.

SHARIFAH NUR ABU

**Diterbitkan Oleh:
Politeknik Merlimau Melaka
Kementerian Pendidikan Tinggi
77300 Merlimau Melaka.
Tel: 06-2636687
Fax: 06-2636678
Email: <https://pmm.mypolycc.edu.my/>**



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2762-91-1

PRAKATA

Segala puji-pujian bagi Tuhan pencipta semesta alam serta penciptaan manusia yang cukup sempurna dari segi akal dan pancaindera supaya dapat menjalankan tanggungjawab sebagai hamba-Nya.

Bersyukur juga kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyempurnakan nota subtopik bagi kursus MPU23042 Nilai Masyarakat Malaysia dengan jayanya sebagai satu rujukan utama kepada Pensyarah dan Pelajar bertepatan dengan silibus yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diharapkan segala proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan satu impak yang besar kepada kecemerlangan pelajar dalam kursus MPU23042 Nilai Masyarakat Malaysia khususnya dan kesempurnaan akhlak amnya.

Sharifah Nur Abu

KENALI PENULIS

Portfolio

HOME PAGE ABOUT CONTACT

Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka. Berpengalaman mengajar dan terlibat dalam penulisan modul Mata Pelajaran Umum Versi Politeknik Malaysia.



" Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran e-Book ini dilengkapi dengan bahan yang informatif dan interaktif "

MANUAL PENGGUNA


Portfolio

HOME PAGES PHOTO BLOG CONTACT

eBook ini dilengkapi dengan huraian topik yang lebih terperinci dengan maklumat-maklumat baru serta mempersempit infografik bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah dan pelajar dilaksanakan dengan lebih mudah dan berkesan.



Latihan pengukuhan setiap topik disediakan untuk menguji pemahaman pelajar berdasarkan huraian topik tersebut. Pensyarah boleh membimbing pelajar dengan memberikan soalan berdasarkan subtopik yang telah ditentukan untuk pelajar huraikan semasa sesi perbincangan dilakukan. eBook ini juga disertakan soalan-soalan pop kuiz & Pengetahuan Am untuk menguji minda dan tahap pemahaman.



Maklumat tambahan diberi dalam bentuk QR Code. Pelajar boleh scan QR Code untuk mendengar penerangan yang lebih terperinci pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, cadangan jawapan juga disediakan dalam bentuk QR Code.



KANDUNGAN

Prakata	iv
Kenali Penulis	v
Manual Pengguna	vi
Isi Kandungan	vii

MASYARAKAT PRIBUMI ORANG ASLI DAN MELAYU

Sejarah Masyarakat Pribumi Orang Asli	2-10
Kumpulan Pribumi Orang Asli di Semenanjung Malaysia	11
Sejarah Masyarakat Melayu	12-14
Latarbelakang Penduduk di Tanah Melayu	15-16
Latihan Pengukuhan	17

SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI SABAH DAN SARAWAK

Masyarakat Pribumi Sabah	19-20
Penempatan Masyarakat Sabah	21-24
Masyarakat Pribumi Sarawak	25-27
Penempatan Masyarakat Sarawak	28-32
Latihan Pengukuhan	33

SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT CINA DAN INDIA

Penghijrahan Penduduk dari Cina	35-39
Faktor Kemasukan ke Tanah Melayu	40-41
Cara Kemasukan ke Tanah Melayu	42-43
Penghijrahan penduduk dari India	44-47
Faktor Kemasukan ke Tanah Melayu	48-49
Cara Kemasukan ke Tanah Melayu	50-52
Latihan Pengukuhan	53

KESIMPULAN

Info Ilmiah	55
Pautan Ilmu	56
Soalan Pop Kuiz	57
Soalan Pengetahuan Am	58
Rujukan	59

SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI ORANG ASLI DAN MELAYU

Masyarakat bermaksud sekelompok orang yang membentuk sebuah sistem interaksi sosial di mana sebahagian besar interaksi yang berlaku dalam lingkungan sistem sosial yang lahir dari individu-individu yang berada dalam kelompok tersebut. Masyarakat adalah komuniti masyarakat yang saling bergantung dan saling memerlukan antara satu sama lain di suatu tempat tertentu dalam komuniti yang teratur serta berkongsi sumber yang ada dalam kawasan tersebut. Masyarakat juga terdiri daripada beberapa kaum atau bangsa.

Menurut Kamus Dewan, konsep masyarakat membawa maksud kumpulan manusia yang menetap bersama-sama di suatu tempat dengan mengikuti aturan dan cara tertentu. Anggota masyarakat terdiri daripada individu, keluarga dan kumpulan-kumpulan kecil dan terdiri daripada beberapa kaum atau bangsa. Hubungan wujud di kalangan ahli masyarakat melalui pergaulan bersemuka. Melalui pergaulan, terbina pola hubungan spsial seperti kegiatan gotong-royong, meraikan perayaan rumah terbuka, kenduri, perkahwinan, meninggal dan sebagainya.



SEJARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT DI MALAYSIA



Di Malaysia, terdapat tiga bangsa yang paling utama iaitu Melayu, China dan India. Di samping itu terdapat kumpulan minoriti seperti Orang Asli, Punjabi, Serani dan sebagainya. Kehadiran pelbagai kaum ini telah mewujudkan masyarakat majmuk di negara kita.



Hari ini, Malaysia didiami oleh pelbagai bangsa, kaum dan etnik. Kepelbagaian kaum dan etnik menyebabkan wujudnya pelbagai budaya, Bahasa, agama dan adat resam. Corak masyarakat Malaysia seperti ini berlaku disebabkan perubahan masa dan keadaan, seperti yang berlaku terhadap perubahan struktur politiknya.



Sebelum abad ke 18 dan 19, masyarakat Malaysia tidak sebegini. Penduduk di Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo ketika itu didominasi oleh orang asli, orang Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak.



Perubahan struktur masyarakat berlaku di Malaysia disebabkan oleh fenomena migrasi dari luar yang berlaku akibat faktor penarik yang ada di bumi mahupun faktor penolak di negara asal masing-masing yang bertanggungjawab mencernakan perubahan yang berkekalan sehingga ke hari ini.



Imigrasi ini berlaku sedikit demi sedikit sebelum penjajahan barat, tetapi berleluasa setelah penjajahan berlaku. Aktiviti ekonomi dan perdagangan menjadi faktor utama dalam aktiviti migrasi daripada luar terutamanya daripada China dan India.

SEJARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT DI MALAYSIA



Pada pertengahan abad ke 19 penghijrahan berlaku secara besar-besaran ke Tanah Melayu, akibat dasar kolonial British yang membawa masuk kaum-kaum Cina dan India untuk tujuan ekonomi.



Setelah kemasukan migran daripada luar, maka bermulalah proses pembentukan masyarakat majmuk yang berbilang kaum seperti sekarang. Pada permulaannya, proses ini agak sukar kerana perbezaan fahaman, amalan, ras dan etnik serta kehidupan harian.



Proses penghijrahan kaum Cina dan India berlaku secara besar-besaran dalam tempoh yang singkat. Ini menyebabkan munculnya penempatan baru di sepanjang pantai barat yang didiami oleh kaum Cina dan India. Kedatangan kaum imigran ini telah membentuk 'masyarakat majmuk'.



Penghijrahan ini telah menyebabkan penduduk Tanah Melayu bertambah dengan pesat. Kelompok baharu ini penting kerana menjadi satu daripada ciri rupa bentuk masyarakat Malaysia selepas merdeka. Ia juga telah mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat tempatan dengan wujudnya masyarakat majmuk.



Walaupun mereka berhijrah ke Tanah Melayu, mereka tetap mengekalkan identiti masing-masing dan mengamalkan tradisi yang tersendiri. Kesannya timbul pelbagai adat resam dan budaya di Tanah Melayu. Kehadiran mereka membentuk masyarakat majmuk namun masih mengekalkan identiti, adat resam serta cara hidup masing-masing.

SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI ORANG ASLI



Menurut Hasan Mat Nor (1998), umumnya istilah peribumi digunakan bagi merujuk kepada kumpulan etnik natif kepada sesuatu wilayah yang dituntut dan dipertahankan sepenuhnya oleh sesebuah negara di mana mereka ini telah datang di wilayah tersebut lama sebelum wilayah itu wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat.



Kamus Dewan memberi takrif peribumi sebagai 'penduduk asli' dan juga bumiputera (DBP, 1964). Definisi yang hampir sama diberikan kamus Longman (edisi kedua, 1997) yang mentaktifkan peribumi sebagai aboriginal iaitu para penduduk asal (aborigines) yang telah wujud di sesuatu negeri sejak awal lagi.



Pernyataan ini walau bagaimanapun dilihat masih umum serta kabur untuk digunakan memandangkan semakan lanjut mendapati terdapat beberapa istilah lain yang sering digunakan bagi merujuk kepada masyarakat peribumi iaitu istilah peribumi, bumiputera dan Orang Asli.



Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa peribumi merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk kepada semua kelompok manusia yang dianggap sebagai penghuni asal atau terawal di Malaysia.

SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI ORANG ASLI



Manakala, di bawah istilah peribumi ini barulah muncul dua istilah yang lebih spesifik digunakan bagi membezakan status kumpulan-kumpulan ‘para penduduk asal’ ini iaitu bumiputera dan Orang Asli.



Hasan Mat Nor (1998) telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan di mana terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli.



Menurut beliau, kumpulan kaum yang diklasifikasikan sebagai bumiputera adalah meliputi Orang Melayu di Semenanjung, Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk natif lain di Sarawak; dan Orang Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk-penduduk natif lain di Sabah.

SEJARAH MASYARAKAT PERIBUMI ORANG ASLI



Manakala Orang Asli pula meliputi tiga kelompok etnik utama dikenal sebagai Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Hasan Mat Nor, 1998).



Bagi Nicholas (2000) mentakrifkan panggilan ‘Orang Asli’ bermaksud ‘tulen’ atau ‘masyarakat pertama’ yang mendiami Semenanjung Malaysia.



Dengan ini dapat difahami, masyarakat Orang Asli merupakan warga peribumi (golongan penduduk asal) Malaysia, namun agak berbeza dengan kelompok penduduk yang diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera. Ini kerana peruntukan di dalam akta telah jelas bahawa istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Malaysia, manakala lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera.

SEJARAH MASYARAKAT PERIBUMI ORANG ASLI

Masyarakat Orang Asli boleh dibahagikan kepada 3 kelompok:

KELOMPOK	KAWASAN PENEMPATAN
<u>Negrito</u> Kensui Kintak, Lanoh Bateq Jahai Menriq	<ul style="list-style-type: none">- di Baling.- di Hulu Perak.- di Kuala Lipis, Besut dan Kuala Krai.- di Perak, terutama di kawasan Hulu Perak iaitu Banun, Sungai Tiang dan Persisiran Empangan Temenggor. Di Kelantan pula, mereka bertumpu di Sungai Rual dan Jeli di Hulu Kelantan.- di pedalaman Kelantan.
<u>Senoi</u> Temiar Semai Semoq Beri Mehmeri Orang Che Wong Jahut	<ul style="list-style-type: none">- di Kuala Kangsar, Hulu Perak dan Gua Musang.- di Kuala Lipis, Raub, Hulu Selangor.- di Jerantut dan Hulu Trengganu.- di Kuala Langat, Sepang dan Klang.- di kawasan pinggir di daerah Raub dan Temerloh, Pahang.- di daerah Temerloh dan Jerantut di Negeri Pahang.
<u>Melayu-Proto</u> Jakun Kanaq, Kuala, Selatar Semelai Temuan	<ul style="list-style-type: none">- di Johor dan Pahang.- di sekitar Kota Tinggi, Batu Pahat dan Pontian.- di Pahang Tengah seperti di Tasik Bera, Sg. Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badak serta di sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan seperti di Sg. Serling, Sg. Lui dan Ulu Muar.- di Selangor, Melaka, Pahang, Daerah Muar, Johor dan Negeri Sembilan.

Rajah 1.1: Kelompok Utama Masyarakat Orang Asli

KEPERCAYAAN MASYARAKAT ORANG ASLI



Dari aspek kepercayaan, masyarakat orang Asli didapati mempunyai adat resam dan kepercayaan animisme. Sistem kepercayaan mereka adalah peranan dewa-dewa, keramat, roh dan sebagainya.

Pandangan hidup mereka banyak dipengaruhi oleh keadaan fizikal alam sekeliling di persekitaran yang di diam. Dengan itu hutan rimba, gunung, bukit, petir, dan sebagainya dianggap sebagai mempunyai makna tersendiri bagi kosmologi masyarakat ini.

Ini telah membawa perlakuan-perlakuan ritual dan pantang larang dalam kehidupan sehari-hari berdasarkan kepercayaan mereka.

STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT ORANG ASLI

Dari aspek organisasi dan struktur sosial, masyarakat ini masih mengekalkan dan mementingkan sikap kerjasama dan mewujudkan puak yang dipimpin oleh seorang ketua yang dipanggil "batin" yang bertanggungjawab menjaga dan menjamin ketenteraman puak serta menjadi penghubung kepada masyarakat luar.

Beliau juga berkuasa menentukan dan menetapkan peraturan berkaitan puak dan menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh ahli-ahli.

Di samping itu, komuniti mereka juga berpegang kepada pengantara agama (shaman) atau bomoh yang berperanan dalam menentukan aspek ritual dan penyaluran kepercayaan mereka.

Perubahan yang melanda masyarakat ini ada kaitan dengan kepercayaan mereka terhadap animisme yang semakin berkurangan sejak selepas merdeka pada tahun 1957.

STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT ORANG ASLI

Ini kerana gerakan dakwah agama lain termasuk Islam semakin kuat ke atas masyarakat ini. Dengan adanya kegiatan dakwah Islamiah maka sebahagian orang Asli telah menerima Islam namun masih banyak lagi mengamalkan unsur-unsur animisme.

Orang Asli memiliki karya seni, kraftangan, adat resam, pantang larang yang masih dipelihara dan diamalkan sehingga kini, biarpun Malaysia sudah lebih 60 tahun merdeka dan pesat membangun dengan arus kemodenan.

Mereka terlibat dalam penjualan rotan, buluh dan sebahagiannya mengusahakan tanaman getah.

Bagi memastikan sejarah masyarakat Orang Asli tidak hilang ditelan zaman, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) menubuhkan muzium dengan bangunan asalnya adalah rumah kediaman rasmi bekas Ketua Pengarah JHEOA pada tahun 1987.

SEJARAH MASYARAKAT MELAYU



Orang Melayu boleh ditafsirkan sebagai penduduk asal Tanah Melayu.



Sejak abad ke-9 lagi telah berlaku perpindahan beramai-ramai masyarakat dari kepulauan Melayu yang lain di Nusantara ke Tanah Melayu. Perpindahan ini berlaku akibat daripada situasi ekonomi, politik dan sosial tempatan yang semuanya boleh menjamin keselesaan mereka.



Masyarakat Melayu ini datang daripada berbagai-bagai pulau seperti Jawa, Sumatera, Sulawesi dan Riau. Sehingga tahun 1957, keseluruhan penduduk Melayu di Tanah Melayu berjumlah 2,427,834 orang iaitu 49.8% daripada jumlah penduduk Tanah Melayu.



Sebelum era kolonial, kegiatan ekonomi utama masyarakat Melayu persisir ialah perdagangan. Bagi negeri-negeri di pantai timur Semenanjung, penduduk Tanah Melayu lebih ramai yang tertumpu kepada kegiatan menangkap ikan (nelayan) dan bertani. Bagi kaum wanita di negeri Kelantan dan Terengganu pula, mereka bergiat dalam aktiviti perniagaan kecil-kecilan.



Kegiatan ekonomi utama kaum Melayu ialah perdagangan di samping ekonomi sara diri lain seperti pertanian, penternakan, menangkap ikan dan mengutip hasil hutan.

SEJARAH MASYARAKAT MELAYU



Penguasaan ekonomi kaum Melayu semakin berubah dan merosot setelah campur tangan British. Kemasukan buruh asing telah mengubah struktur ekonomi masyarakat Melayu.



Kemasukan buruh asing secara beramai-ramai telah menggalakkan kemunculan bandar-bandar baharu seperti Taiping, Ipoh, Port Weld, Tapah dan Kampar di Perak, Kuala Lumpur, Klang di Selangor dan Port Dickson di Negeri Sembilan. Bandar-bandar baharu ini hanya menjadi tumpuan buruh asing.



Ekoran perdagangan yang bersifat berat sebelah atau tidak seimbang, prestasi ekonomi orang Melayu zaman kolonial tidak mencapai sebarang kemajuan, malahan semakin merosot. British memegang dasar agar orang melayu kekal sebagai petani sara diri dan mengusahakan hasil sekadar mampu menyara hidup.



Masyarakat Melayu juga tidak digalakkan untuk menyertai sektor ekonomi moden dengan alasan British agar adat resam dan tradisi orang melayu tidak terganggu dengan pemodenan.



Fenomena ini sebenarnya memberi lebih ruang kepada buruh asing menguasai sektor ekonomi keseluruhannya.

SEJARAH MASYARAKAT MELAYU



Kesemua orang Melayu adalah beragama Islam. Islam mempunyai pengaruh yang amat besar, luas dan mendalam ke atas etnik Melayu, sama ada dari segi rupa, bentuk, luaran atau dalaman sehingga etnik Melayu dan Islam disinonimkan dan tidak dapat dipisahkan.



Islam mempengaruhi kehidupan etnik Melayu dalam beragama, pendidikan, ilmu pengetahuan, bahasa, kesusastraan, adat resam, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.



Yang lebih utama lagi Islam bertanggungjawab menubuhkan kerajaan-kerajaan Melayu Islam bermula sejak zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka dalam abad ke-15 di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Etnik Melayu merupakan etnik yang pertama menegakkan pemerintahan dan kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu.



LATARBELAKANG PENDUDUK DI TANAH MELAYU

ORANG JAWA

- Penghijrahan beramai-ramai akibat dasar transmigrasi Belanda iaitu perpindahan penduduk daripada Pulau Jawa.
- Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja di ladang-ladang kopi, getah dan kawasan tanah yang baru dibuka.
- Di Tanah Melayu kebanyakannya orang jawa terdapat di Johor (Muar, Batu Pahat dan Pontian), Selangor (Klang, Kuala Selangor, Kuala Langat) dan Perak (Hilir Perak, Krian, Parit Buntar).



ORANG BANJAR

- Orang Banja berasal daripada daerah Banjarmasin, Kalimantan
- Kebanyakan mereka melibatkan diri dalam perusahaan padi
- Pada tahun 1931, bilang penduduk Banjar di Tanah Melayu ialah 45,382 orang
- Kebanyakan orang Banjar mendiami kawasan pinggir pantai dan lembah-limbah sungai seperti Kerian, Parit Buntar (Perak), sabak Bernam (Selangor) dan batu Pahat (Johor).



LATARBELAKANG PENDUDUK DI TANAH MELAYU

ORANG BUGIS

- Orang Bugis berasal daripada Sulawesi.
- Mereka merupakan golongan peniaga di Tanah Melayu.
- Kebanyakan mereka menetap di Perak, Selangor, Pahang dan Johor



ORANG BOYAN

- Orang Boyan berasal daripada Pulau Boyan.
- Kebanyakan mereka berhijrah ke Singapura, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang
- Kebanyakan mereka tinggal di kawasan bandar kerana mempunyai keahlian dalam memelihara kuda lumba



ORANG MINANGKABAU

- Orang Minangkabau adalah berasal daripada Sumatra.
- Di Tanah Melayu mereka adalah di negeri Sembilan dan Melaka dimana mereka dikenali sebagai Adat Pepatih
- Kebanyakan mereka terlibat dalam perniagaan dan pertanian.



LATIHAN PENGUKUHAN



Apakah perbezaan utama antara sistem ekonomi tradisional masyarakat Orang Asli dan masyarakat Melayu sebelum kedatangan penjajah?



Bagaimanakah sistem pentadbiran tradisional masyarakat Melayu berfungsi sebelum kedatangan penjajah?



Bagaimanakah masyarakat Orang Asli menyesuaikan diri dengan perubahan yang dibawa oleh penjajahan?



Apakah kesan-kesan penjajahan British terhadap sistem pendidikan masyarakat Melayu?



Jelaskan peranan institusi kesultanan dalam mengekalkan identiti budaya Melayu sepanjang zaman penjajahan?



Sila bincangkan soalan ini dengan terperinci. Scan QR Code untuk semak jawapan



SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI SABAH DAN SARAWAK

SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI SABAH




Terdapat pelbagai pendapat ahli sarjana mengenai suku kaum yang ada di Sabah. Menurut perangkaan tahun 2007 terdapat 30 suku kaum yang menggunakan dialek berbeza. Masyarakat pribumi merupakan golongan majoriti.

- Peribumi ini terdiri daripada kaum Dusun, Murut, Bisaya, Orang Sungai, Kwijau, Kedayaan, Idahan, Bajau, Melayu-Brunei, Dayak, Suluk, dan lain-lain. Kadazan-Dusun, Murut dan Bajau merupakan kaum yang terbesar bilangannya.
- Wujud pelbagai amalan dan kepercayaan serta agama mengikut suku kaum. Kegiatan ekonomi peribumi Sabah tertumpu kepada pertanian, menangkap hasil laut dan berdagang.
- Bersesuaian dengan kedudukan penetapan mereka kerana kebanyakannya tinggal di kawasan pendalaman dan di persisiran pantai.



SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI SABAH

- Sekitar tahun 1880-an, ladang-ladang tembakau telah dibuka di Sabah. Penghijrahan orang Cina ke negeri Sabah adalah kesan dari bantuan yang diberikan oleh syarikat-syarikat tembakau serta kompeni berpiagam sendiri.
- Hampir keseluruhan buruh yang bekerja di ladang-ladang tembakau terdiri dari orang Cina. Perkembangan industri getah telah mendorong lebih ramai imigran orang Cina.
- Hari ini masyarakat Cina di Sabah merupakan golongan masyarakat yang kedua terbesar di Sabah selepas masyarakat Kadazan Dusun.
- Kadazan Dusun adalah penduduk pribumi majoriti Sabah. Di samping masyarakat ini, terdapat pendatang asing yang membanjiri negeri Sabah iaitu orang Filipina dan orang Indonesia dari wilayah Kalimantan.



PENEMPATAN MASYARAKAT SABAH

1

PERSISIRAN PANTAI



2

PENDALAMAN



Latarbelakang Penduduk di Persisir Pantai Sabah

ORANG BRUNEI

- Berhijrah ke Sabah dalam abad ke-16.
- Bekerja sebagai pedagang dan pentadbir dan tinggal di barat daya pantai Sabah di Padas, Kalias, Papar dan Kimanis.
- Kesemuanya beragama Islam sama seperti etnik Melayu di Semenanjung Malaysia.



ORANG BAJAU

- Dari Pulau Sulu dan Mindanau, berhijrah dalam abad ke-18.
- Di barat daya berpusat di Kota Belut, di pantai timur berpusat di Semporna dan Pulau Timbang, dikenali sebagai "orang samal".
- Pekerjaan sebagai petani dan pesawah padi.
- Kesemuanya beragama Islam.
- Terkenal dengan Upacara "ngedung" bertukar juadah makanan dan upacara bertindik.



Latarbelakang Penduduk di Persisir Pantai Sabah

ORANG SULUK

- Berasal dari Pulau Sulu, selatan Filipina.
- Pekerjaan - ahli perniagaan, pengutip hasil laut dan pengutip hasil hutan.
- Pertempatan utama - Marudi, Sandakan dan Lahad Datu.
- Telah lahir ramai pemimpin terkenal seperti Syarif Umar.
- Menganut agama Islam.



ORANG KADAZAN

- Etnik pribumi terbesar di Sabah.
- Tinggal di lembah Ranau dan lembah Tambunan.
- Agama - “Kino-ringan” - kuasa pencipta bumi dan makhluk lain. Sebahagian mereka beragama Kristian.
- Mahkamah Anak Negeri - kendalikan undang-undang adat orang Kadazan.
- Anggota - ketua rumah panjang, orang-orang tua.
- Meraikan “Pesta Menuai” -dan “Tarian Samazau” dipersembahkan.




Latarbelakang Penduduk di Pendalaman Sabah

ORANG MURUT

- Penduduk utama
- Penempatan di Tenom, Rundum dan Pesiangan
- Tempat tinggal di rumah panjang
- Sumber ekonomi - padi huma, memburu binatang dan mengutip hasil hutan.
- Agama - “Aki Kopuno”, mempunyai kuasa penciptaan alam dan penyelesaian semua masalah.
- Etnik-etnik kecil lain - Orang Rungus, Orang Tambanuo, Orang Sungai, Orang Maragang, Orang Bisaya, Orang Idahan, Orang Tidong dan Orang Bamara.



SEJARAH MASYARAKAT PRIBUMI SARAWAK



Sarawak mempunyai lebih kurang 28 kumpulan etnik peribumi. Etnik peribumi ini adalah penduduk asal Sarawak yang terdiri daripada kaum Iban, Melanau, Melayu, Bidayuh, Murut, Kayan, Kenyah, Kelabit, Bisayah, Punan, kaum pribumi yang berada di pedalaman dan lain-lain lagi.

- Kepelbagaiannya masyarakat peribumi menyebabkan wujudnya pelbagai budaya, amalan dan kepercayaan turun temurun.
- Penempatan masyarakat peribumi Sarawak adalah secara berselerak.
- Penempatan Orang Melayu dan Melanau di persisiran pantai, orang Iban, Bidayuh dan Kenyah di lembah sungai dan orang Kelabit, Penan, dan Murut di pedalaman.



MASYARAKAT IMIGRAN SARAWAK

Masyarakat imigran di negeri Sarawak terdiri dari orang Cina yang telah masuk beramai-ramai ketika Sarawak diperintah oleh James Brooke pada abad ke 19.

Mereka terdiri daripada kongsi gelap (suku Hakka) yang bekerja melombong emas di sekitar 1760an. Pada tahun 1823, kawasan pantai barat Kalimantan telah dikuasai oleh kuasa Belanda yang telah bertindak menyekat pelombongan-pelombongan Cina (suku Hakka) di Sambas.

Pelombongan-pelombongan Cina ini mula masuk ke Sarawak melalui Bau.

Kemasukan pelombongan-pelombongan beramai-ramai menyebabkan kemunculan kumpulan kongsi gelap yang sering menyerang pemerintahan James Brooke. Tetapi berjaya di tangkis oleh pimpinan Brooke.

MASYARAKAT IMIGRAN SARAWAK

Kemunculan orang-orang Cina memainkan peranan penting bagi memajukan industri pertanian di Sarawak.

Orang Cina merupakan goongan yang kedua terbesar di Sarawak selepas orang Iban.

Orang Iban merupakan kaum bumiputera (pribumi) utama di Sarawak manakala orang Melayu golongan bumiputera minoriti.



PENEMPATAN MASYARAKAT SARAWAK

1


PERSISIRAN PANTAI

2

LEMBAH SUNGAI

3

PENDALAMAN



Latarbelakang Penduduk di Persisir Pantai Sarawak

ORANG MELAYU

- Berhijrah pada abd ke-15 dari Pulau Sumatera, Indonesia.
- Bermastautin di bandar Lidah Tanah, sekitar sungai Sarawak.
- Mempunyai ketua yang terkenal seperti Datuk Permati Jepang.
- Ekonomi - pertanian, nelayan dan sebagai pedagang. – Islam dan menguasai tulisan jawi dengan baik sekali.



ORANG MELANAU

- Bermastautin di sekitar sungai Igan, sungai Oya dan sungai Mukah.
- Ekonomi - tangkapan ikan, bersawah padi dan membuat sagu.
- Beragama Islam sama seperti orang Melayu.



Latarbelakang Penduduk di Lembah Sungai Sarawak

ORANG IBAN

- Dikenali dengan nama “Dayak Laut” merupakan Peribumi terbesar mendiami pedalaman Sarawak.
- Berasal dari sungai Kapuas, Kalimantan, Indonesia.
- Petempatan utama - sungai Saribas, sungai Sekarang, sungai Batang Lupar dan sungai Rajang
- Mendiami rumah panjang diketuai seorang ketua dikenali dengan nama “Tuai Rumah”.
- Agama – percaya beberapa tuhan - tuhan peperangan “Singling Burong”, tuhan bumi “Pulang Gama” dan roh serta hantu. Sebahagiannya beragama Kristian.
- Perayaan penting - “Gawai Ranyai”.



ORANG BIDAYUH

- Mendiami rumah panjang terutama di sepanjang sungai Samarahan dan sungai Sadong.
- Ekonomi - menanam padi huma dan mencari hasil hutan.



Latarbelakang Penduduk di Lembah Sungai Sarawak

ORANG KAYAN/KENYAH

- Penempatan di hulu sungai Baram dan Ulu Batang Rajah Balui.
- Berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk menjalankan aktiviti ekonomi.
- Beragama Kristian.



Latarbelakang Penduduk di Pendalaman Sarawak

ORANG PENAN

- Penempatan di hutan Baram dan Sungai Rajang Terkenal sebagai pemburu bintang liar yang mahir. – Ekonomi - memungut hasil hutan terutama rotan dan damar - menuarkannya dengan barang keperluan harian seperti beras, garam dan lainnya.



ORANG MURUT

- penempatan di Kawasan Kaki Bukit dan gunung di Utara Sarawak da Sugai Trusan serta Limbang.



ORANG KELABIT

- Penempatan di Lembah Terusan dan Sungai Baram.



LATIHAN PENGUKUHAN



Bagaimanakah kehidupan masyarakat peribumi di Sabah sebelum kedatangan penjajah?



Apakah perbezaan utama antara sistem pentadbiran tradisional masyarakat Iban di Sarawak dengan masyarakat Bajau di Sabah?



Bagaimanakah masyarakat peribumi di Sarawak menyesuaikan diri dengan perubahan yang dibawa oleh Brooke Dynasty?



Apakah kesan-kesan penjajahan British terhadap masyarakat peribumi di Sabah dari segi sosial dan ekonomi?



Jelaskan peranan adat dan tradisi dalam mengekalkan identiti budaya masyarakat peribumi di Sarawak sepanjang zaman penjajahan.



Sila bincangkan soalan ini dengan terperinci. Scan QR Code untuk semak jawapan



SEJARAH IMIGRAN MASYARAKAT CINA DAN INDIA

SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT CINA



Sebelum kedatangan British, bilangan masyarakat Cina adalah terlalu kecil dan kebanyakannya bekerja sebagai peniaga sahaja.



Penghijrahan masuk masyarakat Cina secara beramai-ramai berlaku selepas pengambilan Pulau Pinang oleh British dari tangan Sultan Kedah pada tahun 1786, pengambilan Singapura dari tangan Sultan Johor pada tahun 1819 dan selepas penubuhan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826.



Kebanyakan masyarakat Cina ini berasal dari wilayah Kwangtung dan Tukuin. Ramai juga yang datang dari daerah Amoy, Sen-Yu, Hok-Chiu, Eng Chon dan lain-lain.



Pada peringkat awal, buruh-buruh Cina bertumpu di tapak-tapak perlombongan awal seperti di Lukut dan Sungai Ujong. Penghijrahan semakin pesat sejajar dengan perkembangan aktiviti perlombongan.



Hubungan antara Tanah Melayu-China telah terjalin berabad lamanya dan semakin erat ketika Zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Panglima dan utusan sering dihantar oleh pemerintah China ke Melaka selain daripada didatang pengembara, pedagang dan mualif agama.

SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT CINA



Penghijrahan orang cina secara besar-besaran tertumpu di Negeri-negeri Selat pada abad 19. Kebanyakan mereka berasal dari tiga wilayah tenggara iaitu Kwangtung, Kwangsi dan Fukien.



Amalan sistem sosial yang mementingkan kasta. Jurang semakin besar apabila ramai kasta rendah buta huruf



Pertambahan penduduk India menimbulkan masalah kepada petani kerana saiz tanah kecil, sumber makanan terhad



Pada pertengahan abad ke-19, ekonomi Tanah Melayu sedang pesat berkembang hasil pelaburan British dan saudagar Cina dalam industri getah dan bijih timah.



Perkembangan Revolusi Industri di Eropah meningkatkan permintaan ke atas bijih timah menyebabkan lebih banyak lombong dibuka dan meningkatkan keperluan tenaga buruh.



Kaum imigran Cina tertumpu di kawasan perlombongan di Kuala Lumpur, Taiping, Ipoh, Kampar dan Lukut.

SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT CINA



Penghijrahan pedagang Cina telah membentuk satu komuniti baru melalui proses akulturasi iaitu masyarakat Peranakan Cina yang lebih dikenali sebagai Baba dan Nyonya.



Komuniti ini masih hidup dengan pengaruh adat dan budaya masyarakat Cina walaupun mereka tidak berupaya berkomunikasi dengan Bahasa Cina.



Latarbelakang Penduduk Cina di Tanah Melayu

HOKIEN

- Berasal dari Wilayah Pujian
- Terdiri daripada peniaga dan pekedai.



KANTONIS

- Berasal dari Kwangtun
- Terdiri daripada pelombong dan tukang mahir (tukang kayu, tukang kasut dan tukang besi)



HAKKA

- Berasal dari Kwangtun
- Terdiri daripada pelombong



Latarbelakang Penduduk Cina di Tanah Melayu

TEOCHEW

- Masyarakat Baba dan Nyonya
- Terdiri daripada kedai dan peladang yang membuka ladang-ladang tebu di Pulau Pinang dan ladang gambir serta lada hitam di Johor



HAILAM

- Masyarakat Baba dan Nyonya
- Terdiri daripada kedai makanan dan pembekal keperluan domestik.



Faktor-Faktor Penghijrahan Cina Ke Tanah Melayu

Faktor Penolak

Kekacauan politik berlaku di China kerana perasaan anti-Manchu yang dianggap sebagai kerajaan asing

Rakyat sering memberontak untuk menggulingkan kerajaan Manchu (Pemberontakan Taiping 1850-1864 & Pemberontakan Boxer 1899-1900)

Pertambahan penduduk menyebabkan kekurangan tanah dan keluaran tidak mencukupi makanan

Bencana alam memusnahkan harta benda, tanaman dan kematian



Faktor-Faktor Penghijrahan Cina Ke Tanah Melayu

Faktor Penarik

Perkembangan ekonomi yang pesat hasil pelaburan British dan saudagar China dalam industri getah dan bijih timah.

Perkembangan Revolusi industry di Erofah meningkatkan permintaan ke atas bijih timah.

Pembukaan pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang menarik perhatian untuk imigran.

Dasar pentadbiran British yang mengalukan kemasukan imigran Cina.

Cara-cara Kemasukan Imigran Cina

SISTEM TIKET KREDIT

- Tambang dibayar oleh agen
- imigran terikat kepada majikan sehingga hutang dijelaskan

BANTUAN RAKAN & KELUARGA

- Banyak imigran Cina datang melalui rangkaian keluarga atau klan mereka yang sudah menetap di Tanah Melayu. Ahli keluarga yang sudah berjaya akan membawa masuk saudara-mara mereka untuk membantu dalam perniagaan atau sebagai pekerja

PENGHIJRAHAN BEBAS

- Ramai imigran Cina datang secara bebas, tanpa melalui mana-mana ejen atau syarikat. Mereka biasanya mencari peluang ekonomi yang lebih baik, dan ramai yang akhirnya menetap di bandar-bandar dan terlibat dalam perdagangan dan perniagaan kecil

Cara-cara Kemasukan Imigran Cina

MELALUI SYARIKAT EROPAH

- Imigran Cina direkrut oleh syarikat-syarikat Eropah, terutamanya syarikat perlombongan dan perladangan. Syarikat-syarikat ini memerlukan tenaga kerja untuk operasi mereka dan sering membawa masuk pekerja dari China

Setelah sampai di Tanah Melayu, mereka biasanya menetap di bandar-bandar seperti Penang, Kuala Lumpur, dan Singapura, di mana mereka mendirikan penempatan dan membentuk komuniti yang kukuh.



SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT INDIA



Hubungan India dan Tanah Melayu berkait rapat dengan perdagangan dan pengembangan agama Hindu dan Buddha.



Pengaruh Hindu ketara dalam kerajaan awal di Asia Tenggara seperti Lembah Bujang, Gangga Negara, Srivijaya, Majapahit, Funan dan Champa.



Tanah Melayu dikenali sebagai Suvarnabhumi atau 'tanah emas'.



Penghijrahan kaum India paling pesat berlaku pada akhir abad 19 dan awal abad ke-20 kerana keperluan buruh meningkat di sektor pertanian.



Buruh didatangkan dari Madras, India Selatan untuk bekerja di ladang tebu dan kopi di Perak dan Selangor.



Permintaan terhadap tenaga buruh India meningkat kerana kos membawa masuk yang murah. Jumlah kemasukan imigran India semakin meningkat.

SEJARAH KEMASUKAN MASYARAKAT INDIA



Mereka adalah buruh tawanan yang dibawa dari Bengkulu, Indonesia. Mereka dibawa masuk ke Semenanjung Tanah Melayu selepas Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani.



Tenaga buruh mereka digunakan untuk membina bangunan-bangunan, jalan raya dan jambatan serta menjadi buruh di ladang tebu, kopi dan teh kepunyaan orang Eropah. Orang Eropah suka menggunakan tenaga buruh India kerana upahnya yang murah.



Latarbelakang Penduduk India di Tanah Melayu

TAMIL

- Berasal dari Tamil Naidu
- Kumpulan etnik India yang terbesar di Tanah Melayu
- Kebanyakan di ladang-ladang getah dan kelapa sawit. Terdapat juga yang bekerja dalam sektor awam.
- Buruh dari Ceylon (Sri Lanka) pula diambil sebagai kerani, pembantu hospital dan kaki tangan perkhidmatan keretapi.



MALAYALI

- Berasal dari pantai Malabar dan dikenali juga sebagai orang Malabari
- Merupakan golongan yang berpendidikan tinggi.
- Terdiri daripada kelas pekerja dan pertengahan
- Kebanyakan kelas pekerja, bekerja menyelia ladang-ladang dan estet-estet kepunyaan Inggeris.
- Kelas Pertengahan bekerja dalam perkhidmatan perkeranian dan profesional serta terkenal dengan kedai makan.



Latarbelakang Penduduk India di Tanah Melayu

TELEGU

- Berasal dari Andhra Pradesh
- Kebanyakannya bekerja sebagai buruh di ladang-ladang



SIKH

- Berasal dari Punjab
- Kebanyakannya terlibat di dalam pekerjaan di perkhidmatan polis dan keretapi, pengawal keselamatan dan penternak lembu
- Mulai tahun 1920-an terdapat ramai orang Sikh terlibat dalam bidang perniagaan dan profesional.



Faktor-Faktor Penghijrahan India Ke Tanah Melayu

Faktor Penolak

Pertambahan penduduk India menimbulkan masalah kepada petani kerana saiz tanah kecil, sumber makanan terhad

Kekosongan ini mendorong kemasukan imigran India untuk bekerja di ladang-ladang getah

Bencana alam seperti banjir dan kemarau sering berlaku menyebabkan masalah kebuluran dan wabak penyakit

Petani menanggung cukai hutang yang tinggi

Faktor-Faktor Penghijrahan India Ke Tanah Melayu

Faktor Penarik

Amalan sistem sosial yang mementingkan kasta. Jurang semakin besar apabila ramai kasta rendah buta huruf

Pemansuhan amalan penggunaan hamba abdi di tanah jajahan British.

Buruh dari India sanggup bekerja dengan kadar gaji yang rendah dan terlibat dengan pembinaan jalan raya dan jalan keretapi.

Kekosongan ini mendorong kemasukan imigran India untuk bekerja di ladang-ladang getah.

Cara Kemasukan kaum Imigran India

SISTEM KANGANI

- Sistem Kangani adalah cara utama kemasukan imigran India ke Tanah Melayu. Dalam sistem ini, seorang Kangani (ketua pekerja) akan dihantar oleh majikan dari Tanah Melayu ke India untuk merekrut pekerja.
- Kangani yang berjaya merekrut pekerja akan dibayar komisen. Pekerja yang direkrut biasanya bekerja di ladang getah dan kelapa sawit.

SISTEM KONTRAK

- Imigran India juga dibawa masuk melalui sistem kontrak, di mana mereka diikat untuk bekerja bagi tempoh tertentu, biasanya di ladang-ladang dan projek-projek kerajaan seperti pembinaan jalan raya dan rel kereta api.
- Sistem ini memastikan bekalan tenaga kerja yang tetap untuk majikan.

Cara Kemasukan kaum Imigran India

PENGHIJRAHAN BEBAS

- Seperti imigran Cina, ada juga imigran India yang datang secara bebas, mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Mereka biasanya menetap di bandar-bandar dan terlibat dalam perniagaan kecil dan perdagangan.

MELALUI AGEN

- Beberapa imigran India direkrut melalui ejen-ejen pengambilan tenaga kerja yang beroperasi di India. Ejen-ejen ini akan mengatur perjalanan dan pekerjaan bagi para imigran di Tanah Melayu.



Cara Kemasukan kaum Imigran India

RANGKAIAN KELUARGA

- Seperti imigran Cina, banyak imigran India datang melalui rangkaian keluarga atau klan mereka yang sudah menetap di Tanah Melayu.
- Ahli keluarga yang sudah berjaya akan membawa masuk saudara-mara mereka untuk membantu dalam perniagaan atau sebagai pekerja.

- Setelah tiba di Tanah Melayu, kebanyakan imigran India menetap di ladang-ladang getah dan kelapa sawit di kawasan luar bandar.
- Namun, ada juga yang menetap di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Penang, dan Ipoh, di mana mereka membentuk komuniti yang kukuh dan terlibat dalam pelbagai jenis pekerjaan serta perniagaan.



LATIHAN PENGUKUHAN



Apakah faktor utama yang mendorong kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu pada abad ke-19?



Bagaimanakah sistem Kangchu membantu dalam kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu?



Apakah peranan sistem Kangani dalam kemasukan imigran India ke Tanah Melayu?



Bagaimanakah imigran Cina dan India menyesuaikan diri dengan kehidupan di Tanah Melayu?



Apakah kesan ekonomi daripada kemasukan imigran Cina dan India terhadap Tanah Melayu pada abad ke-19 dan awal abad ke-20?



Sila bincangkan soalan ini dengan terperinci. Scan QR Code untuk semak jawapan

KESIMPULAN

Setelah kemasukan migran dari luar, maka bermulalah proses pembentukan masyarakat majmuk yang berbilang kaum seperti sekarang.

Proses pembentukan masyarakat pada mulanya sukar kerana perbezaan fahaman, amalan, budaya dan etnik serta kehidupan sehari-hari. Banyak konflik yang berlaku dalam proses pembentukan ini seperti peristiwa 13 Mei 1969. Konflik berlaku berkaitan dengan permasalah bangsa.

Rentetan itu, lahirlah kelompok dari keturunan Cina dan India yang berasimilasi dengan budaya tempatan seperti kelompok Baba-Nyonya yang berketurunan Cina dan kelompok Chitty yang berketurunan India.

Asimilasi bangsa juga turut berlaku apabila perkahwinan antara orang asing dengan penduduk tempatan, maka wujud beberapa sub-kategori penduduk berdarah campuran seperti kelompok Peranakan, kelompok Syed dan lain-lain.

Kini kebanyakkkan penduduk Malaysia mempunyai darah kacukan Melayu-Arab, Melayu-India, Melayu-Cina dan lain-lain.



INFO ILMIAH

01



02



03



SEJARAH
Malaysia

04



05



06



Scan QR Code untuk melihat video sejarah Malaysia

PAUTAN ILMU



Menelusuri Sejarah Pembentukan Malaysia

Artikel ini mengimbas kembali sejarah pembentukan Malaysia, termasuk proses rundingan dan cabaran yang dihadapi sebelum pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.



Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Malaysia

Ringkasan: Artikel ini membincangkan bagaimana migrasi dari luar, khususnya semasa penjajahan British, membawa kepada pembentukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.



Sejarah dan Pembinaan Negara Bangsa Malaysia

Ringkasan: Artikel ini membincangkan proses pembinaan negara bangsa Malaysia, termasuk faktor politik dan sosial yang mempengaruhi pembentukan identiti nasional.



Kolonialisme di Tanah Melayu: Pembentukan Masyarakat Majmuk

Ringkasan: Artikel ini meneliti kesan kolonialisme terhadap pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia, dengan fokus kepada dinamika antara kaum Melayu, Cina, dan India.



Scan QR Code untuk membaca jurnal sejarah Malaysia

SOALAN POP KUIZ

- 1 Bilakah Malaysia secara rasmi dibentuk?

- 2 Apakah nama perjanjian yang ditandatangani untuk membentuk Malaysia?

- 3 Negara-negara manakah yang bergabung untuk membentuk Malaysia?

- 4 Apakah sebab utama Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965?

- 5 Siapakah Perdana Menteri pertama Malaysia?

- 6 Apakah nama gabungan politik yang memenangi Pilihan Raya Umum pertama selepas pembentukan Malaysia?

- 7 Bilakah konfrontasi Indonesia-Malaysia berlaku?

- 8 Apakah nama operasi ketenteraan yang dilancarkan oleh Malaysia untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak dan Sabah?

- 9 Apakah slogan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Najib Razak untuk memperkuatkan perpaduan nasional?

- 10 Apakah tujuan utama Rukun Negara yang diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei 1969?



Jawab semua soalan. Scan QR untuk semak jawapan



SOALAN PENGETAHUAN AM

1 Malaysia secara rasmi dibentuk pada _____.

2 Negara-negara yang bergabung untuk membentuk Malaysia termasuk Tanah Melayu, _____, Sabah, dan Sarawak.

3 Perjanjian yang ditandatangani untuk membentuk Malaysia dikenali sebagai _____.

4 Singapura keluar dari Malaysia pada tahun _____.

5 Sabah sebelum ini dikenali sebagai _____ Utara Borneo sebelum menyertai Malaysia.

6 _____ adalah perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1963 yang membawa kepada pembentukan Malaysia.
Jawapan: Perjanjian Malaysia.

7 Perjanjian antara Kerajaan Malaya, Sabah, dan Sarawak ditandatangani di _____ pada tahun 1963.

8 Pada tahun _____, Sarawak dan Sabah menyertai Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia.

9 _____ merupakan salah satu faktor yang mendorong penubuhan Malaysia bagi memastikan keselamatan dan kemajuan ekonomi di rantau ini.

10 Pada _____ Ogos 1963, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan pembentukan Malaysia.



Jawab semua soalan. Scan QR untuk semak jawapan



RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz(2014). Isu-Isu Ketahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur, Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Ivan Hoe et al. (2015). Sejarah Malaysia Dan Asia Tenggara. Selangor Darul Ehsan: PNI Neuron (M) Sdn. Bhd.
- Jayum Jawan (2010). Kenegaraan Malaysia. Upm, Serdang Selangor.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin (2014). Pengajian Malaysia Edisi Kelima. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd Sohaimi Esa, Datu Sansalu, Budi Anto Mohd Tamring (2011). Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd. Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring(2011). Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa (Siri IPT). Penerbitan Multimedia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2000). Adat Resam Masyarakat Melayu.
- Ruslan Zainuddin, Mohd. Mahadee Ismail Dan Zaini Othman (2010). Kenegaraan Malaysia Edisi Kedua. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sejarah Malaysia Stpm (2012). Pni Neuron(M) Sdn. Bhd.
- Syed Ibrahim (2008). Malaysia Kita. Panduan Dan Rujukan Untuk Peperiksaan Am Kerajaan. Petaling Jaya: Ss Graphic Printers (M) Sdn. Bhd.
- Zaid Ahmad et al. (2013). Hubungan Etnik Di Malaysia. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
- Zaid Ahmad (2010). Hubungan Etnik Di Malaysia (Buku Teks). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

SINOPSIS

eBook ini bertujuan untuk memberikan pemahaman tentang sejarah pembentukan masyarakat Malaysia yang kaya dengan pelbagai etnik dan budaya. Ia merangkumi perbincangan mengenai asal usul dan evolusi masyarakat peribumi serta imigran yang telah menyumbang kepada pembentukan negara Malaysia yang kita kenal hari ini. Dalam ebook ini juga ada membincangkan masyarakat Peribumi Orang Asli, Masyarakat Melayu, Sejarah Masyarakat Peribumi Sabah dan Sarawak dan Sejarah Kemasukan Masyarakat Cina dan India ke Tanah Melayu.

Penerbit



SEJARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA

e ISBN 978-967-2762-91-1



9 789672 762911

POLITEKNIK MERLIMAU